

DOCX.MY

BERITA ONLINE ANDA!

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

www.docx.my



DOCX.MY
SENANG DOWNLOAD

KERAJAAN UMUM PEMILIK BENGKEL WAJIB PAMER SENARAI DAN SIJIL!



Pengusaha bengkel kini wajib mempamerkan senarai nama mekanik dan sijil kemahiran di tempat yang mudah dilihat oleh pengguna. Langkah ini diambil untuk memastikan pengguna mendapatkan maklumat yang mencukupi ketika memilih bengkel yang memiliki mekanik berkelayakan.

Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, menyatakan bahawa syarat ini merupakan salah satu penambahbaikan yang terkandung dalam Pindaan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2022 yang telah berkuat kuasa di seluruh negara pada 1 Julai yang lalu.

Beliau turut menyatakan bahawa langkah mempamerkan senarai nama mekanik dan sijil kemahiran akan mendorong pengusaha bengkel untuk memperoleh pengesahan bagi mekanik yang bertugas atau menggajikan mekanik yang mempunyai sijil kemahiran.

Selain itu, peraturan ini juga mensyaratkan agar pengusaha dengan jelas menyatakan kategori alat ganti yang digunakan, sama ada baharu, terpakai, atau telah dibaik pulih untuk diguna semula. Langkah ini bertujuan untuk memberikan kejelasan kepada pengguna mengenai jenis alat ganti yang digunakan untuk pembaikan atau pengubahsuaian kenderaan mereka.

Pindaan peraturan ini diwartakan pada 22 Jun 2022 selepas melalui beberapa siri libat urus dengan pihak industri, dan sepatutnya berkuat kuasa pada 1 Julai tahun yang sama. Walaubagaimanapun, penguatkuasaannya telah ditangguhkan selama setahun untuk memberi ruang kepada pihak industri untuk membuat persiapan sebelum penguatkuasaan sepenuhnya berkuat kuasa pada 1 Julai 2023.

Pada 30 Jun 2023, tempoh penangguhan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) (Pindaan) 2022 telah tamat, dan sejak itu, peraturan ini telah dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasa KPDM di seluruh negara.

Datuk Seri Salahuddin menekankan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap pelanggaran ketidakpatuhan kepada peraturan ini, mengikut peruntukan yang termaktub di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599).